

AN APPLICATION OF MAQASID SYARIAH IN ISLAMIC MEDICAL CLINIC: AN ANALYSIS OF PROGRAM IMPLEMENTATION AT UiTM JOHOR BRANCH

APLIKASI MAQASID SYARIAH DALAM KLINIK PERUBATAN ISLAM: ANALISIS PELAKSANAAN PROGRAM DI UiTM CAWANGAN JOHOR

Mahasin Saja@Mearaji, Ijlal Saja@Mearajiⁱⁱ, Khadijah Amira Abdul Rashidⁱⁱⁱ, Nurul Badriyah Ali^{iv}, Siti Noor Ain Aziz^v, Nazrudin Hashim^{vi} & Mohamad Zaki Razaly^{vii}

- ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). mahas220@uitm.edu.my
- ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM). ijlalsaja@uitm.edu.my
- ⁱⁱⁱ Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). nurulbadriyah@uitm.edu.my
- ^{iv} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). amirarashid@uitm.edu.my
- ^v Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). sitin308@uitm.edu.my
- ^{vi} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). nazrudin@uitm.edu.my
- ^{vii} Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM). moham694@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 2 March 2026

Revised: 9 March 2026

Accepted: 15 March 2026

Abstract	<p><i>Islamic Medical Clinic program is an initiative of the Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Johor Branch to provide the community with an understanding of the needs of Islamic treatment. Islamic treatment is the mainstay that was taught by the Prophet Muhammad SAW using the holy verses of the Quran and hadith. The study used a qualitative approach through a combination of literature and field research methods. Field data were obtained through semi-structured interviews with Islamic medical practitioners and direct observation of the implementation of the clinic program. The study findings showed that the implementation of this clinic fulfills the five main elements of Maqasid al-Syariah, namely safeguarding religion, life, intellect, lineage and property through a treatment approach based on ruqyah, faith education, ethical compliance and the concept of welfare that meets the needs of patients. In conclusion, further research is proposed using a quantitative approach involving more Islamic treatment centers to empirically evaluate the effectiveness of this treatment.</i></p> <p>Keywords: <i>Clinic, Initiative, Ruqyah, UiTM, Treatment.</i></p>
Abstrak	<p><i>Klinik Perubatan Islam merupakan inisiatif Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Johor bagi memberikan kefahaman kepada komuniti tentang keperluan rawatan Islam. Rawatan Islam menjadi tunjang utama yang telah diajarkan oleh Rasulullah</i></p>

SAW dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran dan hadis. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui gabungan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Data lapangan diperoleh melalui temu bual separa berstruktur bersama pengamal perubatan Islam serta pemerhatian langsung terhadap pelaksanaan program klinik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan klinik ini memenuhi kelima-lima elemen utama Maqasid al-Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta melalui pendekatan rawatan berasaskan rukyah, pendidikan akidah, pematuhan etika serta konsep kebajikan yang memenuhi keperluan pesakit. Sebagai penutup, kajian lanjutan dicadangkan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan lebih banyak pusat rawatan Islam untuk menilai keberkesanan rawatan ini secara empirikal.

Kata kunci: Klinik, Inisiatif, Ruqyah, UiTM, Rawatan.

PENDAHULUAN

Teknik perubatan Islam merupakan gabungan holistik merangkumi kaedah fizikal dan rohani yang berteraskan al-Quran dan sunnah merangkumi doa, bekam (*hijamah*) dan rukyah. Selain itu, penggunaan bahan semulajadi seperti habbatussauda dan madu turut digunakan. Walaubagaimanapun Islam bersifat fleksibel dengan mengharuskan apa jua kaedah rawatan moden yang tidak berlawanan syarak sekaligus dapat mendidik umat Islam untuk sentiasa berusaha dan tidak berputus asa. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya, “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar” (al-Quran. al-Baqarah: 513).

Dalam tafsir Ibn Kathir (t.th) menyatakan Allah SWT memanggil mereka yang sedang dalam kesakitan dengan satu pujian di atas kesabaran dari penderitaan serta kesukaran yang menimpa mereka. Oleh itu umat Islam perlu berusaha dengan tekun dan tidak putus asa dari rahmat Allah SWT.

Pada awal kebangkitan dakwah, Rasulullah SAW sering berhadapan fitnah sebagai seorang bomoh atau dukun. Namun hakikatnya Rasulullah SAW pesuruh Allah SWT yang membawa wahyu. Jika dirujuk dalam Kamus Dewan edisi keempat, bomoh ditakrifkan sebagai tabib yang mengubati pesakit dengan ubat tradisional, kaedah kampung atau jampi-jampi, pawang dan dukun. Peranan agung baginda Rasulullah SAW jelas sangat jauh bezanya dan adalah tidak wajar disama ertikan. Firman Allah SWT:

﴿فَذَكِّرْ فَمَا أَنْتَ بِنِعْمَتِ رَبِّكَ بِكَاهِنٌ وَلَا جُنُونٍ﴾

Maksudnya, “Maka peringatkanlah kepada mereka dengan sebab nikmat iman yang diberikan kepada engkau oleh Tuhanmu, maka bukanlah engkau seorang dukun, bomoh dan bukan juga seorang yang gila kerana terasuk jin” (al-Quran. al-Tur: 29).

Penyakit yang tidak dapat dikenalpasti adalah disebabkan rawatan penyakit tidak disinergikan dengan rawatan jiwa atau dalaman dengan kaedah rawatan Islam. Kaedah rawatan Islam merupakan metode rawatan bukan hanya berbentuk fizikal malah menerapkan elemen spiritual dalaman jiwa dengan pemantapan zikir, selawat dan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran serta hadis (Mustafa Kamal bin Amat Misra et.al., 2023). Firman Allah SWT:

﴿الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ﴾

Maksudnya, “Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, dengan mengingat Allah hati menjadi tenteram” (al-Quran. al-Ra’d: 28).

Dalam hadis disunatkan membaca kepada orang yang sakit dengan al-Fatihah berdasarkan hadis Nabi SAW:

{ وَمَا أَدْرَاكَ أَهَّأَ رُكْيَةً ؟ }

Maksudnya, “Tidakkah kamu mengetahui bahawa surah Fatihah bersifat rukyah” (Hadis. al-Bukhari. *Kitab al-Tibb*. No. 5736).

Hadis ini merupakan suatu perakuan daripada baginda Rasulullah SAW tentang surah al-Fatihah boleh digunakan sebagai ayat rukyah. Ini membuktikan bahawa wahyu Allah SWT benar dan dapat dijadikan syifa’ (penawar) kepada orang yang sedang dalam kesakitan.

PENYATAAN MASALAH

Peningkatan masalah kesihatan mental telah mendorong masyarakat mencari rawatan alternatif termasuk pendekatan spiritual. Menurut World Health Organization (2022), lebih daripada 1 bilion manusia di seluruh dunia mengalami gangguan mental, menunjukkan keperluan terhadap pendekatan rawatan yang lebih menyeluruh. Di Malaysia, National Health and Morbidity Survey (2019) melaporkan bahawa 29.2% rakyat mengalami masalah kesihatan mental. Situasi ini membuka ruang kepada perkembangan perubatan Islam, termasuk Klinik Perubatan Islam sebagai alternatif rawatan.

Maqasid al-Syariah menyediakan kerangka penting dalam menilai amalan tersebut melalui objektif pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian terdahulu seperti Hashi (2019) dan Padela (2015) telah memberikan sumbangan signifikan dalam memperincikan aspek teori dan bioetika Maqasid al-Syariah dalam bidang perubatan. Walau bagaimanapun, kajian berbentuk empirikal yang meneliti aplikasi prinsip tersebut dalam konteks pelaksanaan rawatan di peringkat klinik masih terhad. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis aplikasi Maqasid al-Syariah dalam pelaksanaan Klinik Perubatan Islam.

KAJIAN LITERATUR

Islam Dan Perubatan

Dunia Islam telah melahirkan ramai para cendekiawan perubatan standing perubatan moden seperti Abu Bakr Zakariya al-Razi (854-935), yang merupakan seorang saintis dan pakar perubatan penyakit cacar dan campak. Ibn Sina atau dikenali sebagai Avicenna (980-1037) mahir dalam ilmu perubatan sehingga dapat mengembangkan ilmu dalam penulisan al-Qanun fi al-Tib yang digunakan di Eropah dan negara-negara Arab.

Malah telah lahir juga tokoh al-Zakhravi (936-1013) yang menjadi pakar bedah, menulis tentang tanda-tanda penyakit, ubat dan alat pembedahan. Disiplin ilmu ketika itu menaikkan kecemerlangan di kalangan orang Muslim. Tidak kurang hebatnya, lahir pakar perubatan Ibn Haitam, merupakan seorang pakar mata, al-Biruni dan Ibn Nafiz pakar perubatan di kalangan orang Islam yang menguasai ilmu perubatan dan memartabatkan tamadun Islam (Amat Misra et.al., 2023)

Dalam pada itu, kajian Isdianto & Fitrianti (2024), membuktikan bahawa terapi rukyah dapat menurunkan kesakitan yang dihadapi oleh pesakit kanser dan kencing manis. Ini terbukti alunan ayat al-Quran mampu memberikan rawatan dan terapi fizikal kepada pesakit. Disamping itu dapat mengurangkan stress dan memberikan ketenangan jiwa.

Al-Quran merupakan mukjizat agung, bertepatan dengan ayat-ayat khas al-Quran tentang perubatan kesembuhan (syifa’) seperti dalam surah Yunus ayat 57, surah at-Taubah ayat 18, surah al-Isra’ ayat 82, surah As-Syuara’ 82 dan surah Fussilat ayat 44. Jika

dikaji dengan lebih mendalam keseluruhan ayat-ayat al-Quran akan dapat menenangkan jiwa dan menjadi terapi bagi pembacanya.

Kaedah Perubatan

Kaedah perubatan, alatan dan ubatan pada masa kini semakin moden dan canggih seperti rawatan mata yang menggunakan teknik laser. Alatan moden juga dapat membantu kesembuhan penyakit dengan izin Allah SWT. Penyakit di dalam Islam merangkumi fizikal dan spiritual. Penyakit fizikal dilihat dengan pancaindera seperti penyakit kulit, mata, demam, batuk, selsema dan sebagainya yang melibatkan tubuh badan.

Manakala penyakit spiritual melibatkan penyakit rohani seperti riyak, takabbur, keletihan, kelesuan, kesedihan, gangguan makhluk halus, histeria, sihir, saka dan sebagainya (Masruri, M. et. al. 2021). Penawar bagi sesuatu penyakit fizikal boleh diikhtiar melalui rawatan moden, herba dan rukyah menggunakan ayat suci al-Quran. Namun penyakit spiritual tidak adpat dikesan dengan menggunakan alatan moden dan diubati dengan kaedah rukyah, zikir dan doa.

Walaupun umat Islam perlu berhati-hati kerana terdapat perawat yang mencari keuntungan dengan menyatakan teknik yang dilakukan merupakan rawatan Islam. Terdapat juga isu kaedah rawatan yang bertentangan dengan Islam sebagaimana kes menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, Selangor merupakan negeri yang mendahului rekod kes jenayah penipuan termasuk pengamal perubatan Islam dan tradisional.

Sebanyak 1050 kes sehingga 31 Mac 2021 diikuti Kuala Lumpur 615 dan Johor 497 kes. Perkara ini bukan hanya memberi gambaran buruk kepada Islam malah mengancam keselamatan dan akidah umat Islam. Masruri et. al. (2021), menyatakan analisa kajiannya dalam kitab-kitab tafsir Mafatih al-Ghaib, memberi pandangan bahawa seluruh ayat al-Quran merupakan ubat bagi orang Mukmin yang ditimpa masalah penyakit fizikal atau spiriual.

Rawatan produk halal juga dititik beratkan oleh Islam untuk kesihatan umat Islam. Kawalan produk yang digunakan juga merupakan Maqasid al-Syariah yang perlu di patuhi (Al Mustaqim, 2023). Pesakit yang ingin sembuh hendaklah memastikan produk atau ubatan tersebut halal dan selamat untuk digunakan. Di Malaysia, logo halal yang diiktiraf adalah keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Ini dapat membantu pengguna untuk memastikan sesuatu produk tersebut halal termasuk negara-negara dunia lain yang mempunyai logo halal tersendiri untuk menjaga keperluan halal umat Islam. Oleh itu, permasalahan akan timbul sekiranya umat Islam tidak mengetahui kesahihan rawatan yang benar dalam Islam dan produk yang digunakan atau kaedah rawatan yang bertentangan dengan Islam.

Kajian ini akan menjelaskan kaedah rawatan menurut perspektif Islam dalam Klinik Perubatan Islam bagi memberikan gambaran dan kaedah rawatan agar tidak berlawanan dengan syarak serta menepati Maqasid al-Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggabungkan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan (*fieldwork*). Hal ini bagi data teori dan amalan sebenar di lapangan adalah selaras antara satu sama lain. Pendekatan ini dipilih kerana ia mampu memberikan pemahaman yang mendalam terhadap pelaksanaan serta impak program Klinik Perubatan Islam yang dijalankan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Johor.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes (*case study*) yang memfokuskan pelaksanaan Klinik Perubatan Islam. Kajian ini meneliti pelaksanaan rawatan di Klinik Perubatan Islam sebagai satu kes bagi memahami aplikasi Maqasid al-Syariah dalam

konteks perubatan alternatif Islam. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik meneliti secara terperinci aspek pelaksanaan serta Prosedur Operasi Standard (SOP).

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui dua kaedah utama:

1. **Data Kepustakaan**

Melibatkan dokumen daripada al-Quran, hadis, jurnal akademik, buku dan kajian lepas berkaitan perubatan Islam dan Maqasid al-Syariah.

2. **Data Lapangan (*Fieldwork*)**

- i. **Temu bual separa berstruktur** bersama pengamal perubatan Islam, iaitu Ustaz Nazrudin bin Hashim bagi mendapatkan maklumat berkaitan kaedah rawatan, bahan yang digunakan serta rasional amalan.
- ii. **Pemerhatian** langsung (*observation*) terhadap pelaksanaan Klinik Perubatan Islam termasuk sesi rawatan, struktur program dua sesi dan interaksi antara perawat dan pesakit menerusi dokumen.

Gabungan kedua-dua kaedah ini membantu meningkatkan kesahan data melalui triangulasi sumber.

Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) dengan mengenal pasti tema utama berkaitan pelaksanaan rawatan dan pemetaan kepada elemen Maqasid al-Syariah.

Kesahan Dan Etika

Kesahan data diperkukuhkan melalui triangulasi (kepuustakaan, temu bual dan pemerhatian). Kajian juga mematuhi etika penyelidikan dengan mendapatkan persetujuan responden dan menjaga kerahsiaan maklumat.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat beberapa tema yang dapat dikenal pasti daripada analisis pengumpulan data melalui kepustakaan, temubual dan pemerhatian dengan menggunakan pendekatan secara tematik.

Dapatan Kajian Kepustakaan Melalui Dokumen

Tema Penyakit

Terdapat pelbagai jenis penyakit yang ada pada masa kini. Sesetengah penyakit mempunyai sindrom yang mudah dikenalpasti namun ada juga penyakit yang sukar diketahui puncanya. Keadaan ini akan menyebabkan seseorang hilang daya kawalan, lemah, lesu dan ditimpa masalah kemurungan juga berputus asa untuk mendapatkan rawatan.

Penyakit merupakan suatu yang diberikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang betakwa untuk diuji keimanan. Islam menerangkan setiap penyakit ada ubatnya dan memerlukan ikhtiar untuk menyembuhkannya. Sebagaimana hadis di bawah:

{ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً }

Maksudnya, "Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar" (Hadis. al-Bukhari. *Kitab al-Tib wa al-raqi*. No. 4514).

Tema Rawatan

Hadis tersebut merupakan suatu anjuran kepada umat Islam untuk mendapatkan rawatan dan mencari ubat bagi setiap penyakit yang dihadapi. Teknik rawatan bacaan rukyah biasanya diadakan di rumah atau institusi tertentu seperti pusat rawatan Islam.

Tema Inisiatif Program

Atas inisiatif Akademi Pengajian Islam Kontemporari, (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor telah mengadakan program Klinik Perubatan Islam bagi membantu komuniti yang menghadapi penyakit berbentuk gagguan jin, saka atau sihir dan sukar dilihat oleh mata kasar atau kajian saintifik serta telah mendapatkan ikhtiar di mana-mana pusat rawatan moden hingga ke peringkat pakar perubatan yang dialami bertahun-tahun lamanya.

Dapatan Kajian Melalui Temubual


Tema: Proses rawatan

Klinik Perubatan Islam ini bermula dengan dua sesi. Sesi pertama dengan memberikan pendidikan ilmu tentang konsep sihir dan kaedah rawatan rukyah bacaan ayat-ayat suci al-Quran kepada pesakit menggunakan bahan rawatan air dan limau. Manakala rawatan pesakit yang mempunyai simptom secara khusus dan susulan dengan mengadakan siri kedua. Tambahan ilmu tentang saka diikuti dengan sesi rawatan juga metode yang sama menggunakan ayat rukyah. Bahan yang digunakan juga menggunakan air dan limau.

Dalam program tersebut pengamal perubatan Islam Ustaz Nazrudin bin Hashim memaklumkan, 1. Air tersebut dibuat minum dan 2. Air tersebut juga dibuat mandi dengan campuran bahan perahan buah limau nipis sebanyak 3 biji sehari selama 7 hari. Dalam program Klinik Perubatan Islam Air dan limau dijadikan bahan rawatan oleh perawat untuk diminum dan dibuat mandi.


Dapatan Kajian Melalui Pemerhatian Dokumen

Tema Operasi



Rajah 1 Model Intervensi Klinik Perubatan Islam Dirangka Berdasarkan Modul Rawatan Ustaz Nazrudin bin Hashim

Tema Proses Rawatan



Rajah 2: Proses rawatan Klinik Perubatan Islam

Rajah 1 dan 2 di atas menunjukkan proses rawatan Klinik Perubatan Islam yang dianjurkan oleh ACIS, UiTM Cawangan Johor. Proses tersebut diulangi pada siri kedua dan rawatan lanjutan khas oleh perawat kepada pesakit yang mempunyai tanda-tanda gangguan rasa loya, mutah, sakit kepala ada benda bergerak di dalam tubuh badan atau sakit di kawasan tertentu seperti pinggang, tengkuk dan belikat.

Tema Pemantauan

Pemantauan ini perlu bagi memastikan rawatan susulan. Program Klinik Rawatan Islam menekankan rawatan bukan hanya dilakukan oleh perawat malah perlu disusuli dengan amalan oleh pesakit itu sendiri dan beriltizam bersungguh-sungguh secara berterusan mengamalkan ayat atau zikir yang diberikan bagi melindungi diri dari gangguan jin atau syaitan. Pesakit juga diingatkan agar berdoa kepada Allah SWT agar dapat menyembuhkan penyakit yang dialami. Ini bermaksud pesakit bukan hanya bergantung rukyah rawatan sekali atau dua kali sahaja oleh perawat. Antara ayat rukyah adalah seperti jadual 1 berikut:

Bil.	Surah	No. surah	Ayat
1.	Al-Fatihah	1	1-7
2.	Al-Baqarah	2	1-5,102, 163-164, 255-257, 285-286
3.	Ali Imran	3	18-19
4.	Al-A'raf	7	54-56, 117-120
5.	Yunus	10	81-82
6.	Taha	20	69
7.	Al-Mu'minun	23	115-118
8.	As-Saffat	37	1-10
9.	Al-Ahqaf	46	29-32
10.	Al-Rahman	55	33-36
11.	Al-Hasyr	59	21-24
12.	Al-Jin	72	1-9
13.	Al-Ikhlash	112	1-4
14.	Al-Falaq	113	1-5
15.	Al-Nas	114	1-6

Jadual 1: Ayat-ayat al-Quran yang dijadikan rukyah. Sumber: Islam dan Rawatan Diri

PERBINCANGAN**Instrumen Maqasid Al-Syariah Dalam Klinik Perubatan Islam**

Maqasid al-Syariah adalah bertujuan untuk mencapai suatu hukum syariah dalam Islam. Syariah pula merupakan jalan lurus meliputi hukum-hukum yang diaturkan untuk kehidupan manusia. Kalimah maqasid dari perkataan *qasada* yang bermaksud jalan yang lurus, adil dan kebergantungan. Dari segi syarak merupakan objektif undang-undang yang dibuat bagi tujuan mencapai kemaslahatan manusia.

Antara kelebihan Maqasid al-Syariah adalah menentukan skop undang-undang, menyelesaikan konflik, membangunkan sistem undang-undang, mengatur undang-undang dengan sistematik, mengatur cara berfikir dan berijtihad atau berfatwa (Rejab Abdul Aziz, 2015). Dalam pada itu, keperluan untuk mencari kesembuhan penyakit adalah sangat dianjurkan oleh Islam.

Altenatif rawatan boleh dilakukan sama ada di hospital, klinik, perubatan herba atau kampung asalkan tidak berlawanan dengan syarak. Manakala Rawatan rukyah adalah bertepatan dengan sunnah Rasulullah SAW yang biasanya melibatkan gangguan jin atau syaitan, terlibat dengan saka dan sihir. Rawatan ini perlu menggunakan ayat-ayat suci al-Quran. Klinik Perubatan Islam adalah bertujuan merealisasikan manfaat (*maslahah*) dan mencegah bahaya (*mafsadah*) secara insentif bagi memenuhi Maqasid al-Syariah.

Maqasid al-Syariah dalam teknik perubatan Islam terbahagi 3 iaitu dari aspek *daruriyyah* (perkara penting), *hajiyyah* (keperluan) dan *tahsiniyat* (penghalusan). Ulama menyimpulkan bahawa syariah Islam merangkumi masalah *dharuriyah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Halim & Ismail 2024). Manakala *hajiyyah* pula menghilangkan kesusahan dan tahsiniyat adalah berkaitan kualiti hidup termasuk kerohanian. Pemetaan ini dapat dilihat berdasarkan jadual 2 di bawah:

Instrumen Maqasid	Definisi	Bentuk Pelaksanaan dalam Klinik	Elemen Sokongan (Hifz)	Analisis
Daruriyyah (Keperluan Asas)	Keperluan utama yang mesti dipelihara untuk kelangsungan hidup manusia	<ul style="list-style-type: none"> - Rawatan berasaskan rukyah syar'iyah - Penggunaan bahan (air, limau) - Larangan sihir, bomoh dan khurafat - Pemantauan rawatan secara berperingkat 	Hifz al-Din Hifz al-Nafs Hifz al-'Aql Hifz al-Nasl Hifz al-Mal	Menunjukkan klinik memenuhi keperluan asas maqasid dengan menjaga agama, nyawa, akal, maruah dan harta secara menyeluruh
Hajiyyah (Keperluan Pelengkap)	Keperluan yang menghilangkan kesukaran dan memudahkan kehidupan	<ul style="list-style-type: none"> - Rawatan dilakukan secara dua sesi - Bimbingan amalan susulan (zikir, rutin) - Kos rawatan minimum 	-	Membantu mengurangkan kesusahan pesakit serta meningkatkan keberkesanan rawatan melalui pendekatan menyeluruh

Tahsiniyyah (Keperluan Penyempurnaan)	Keperluan yang meningkatkan kualiti hidup, adab dan kesempurnaan	<ul style="list-style-type: none"> - Penjagaan aurat dan batas pergaulan - Kehadiran mahram semasa rawatan - Suasana rawatan yang selesa dan terkawal - Etika dan profesionalisme perawat 	-	Menunjukkan rawatan bukan sekadar memenuhi keperluan asas, tetapi juga menitikberatkan nilai akhlak, keselesaan dan maruah pesakit
--	--	---	---	--

Jadual 2: Pemetaan Maqasid al-Syariah**Menjaga Agama (Hifz Al-Din)**

Allah SWT melarang umat Islam mencari ubat dengan menggunakan bomoh atau dukun. Kebergantungan kaedah rawatan sihir adalah haram dan merosakkan akidah umat Islam. Mereka menggunakan alatan yang berlawanan dengan syarak. Islam menganjurkan jalan untuk ikhtiar mencari ubat dan perlu meyakini bahawa setiap penyakit ada penawar. Pesakit juga perlu yakin bahawa penyembuhan itu adalah hak milik Allah SWT. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda:

{لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ}

Maksudnya: "Bagi setiap penyakit ada ubatnya. Apabila betul ubatnya, maka sembuhlah dengan izin Allah 'Azza wa Jalla" (Hadis. Al- Muslim. Bab al-Salam "Kitab Li kulli Da'awa'un wa Istihbab al-Tadawi. No. 2204).

Dalam sesi Klinik Perubatan Islam pesakit diberikan kefahaman tentang kaedah yang salah dan perlu dijauhi dalam Islam seperti sihir, saka atau menggunakan ubatan kotor seperti najis dan memberikan kefahaman akidah yang tepat kepada pesakit agar berkeyakinan penuh hanya Allah SWT yang dapat menyembuhkan penyakit. Ini bermaksud pesakit diberikan pendidikan akidah berkaitan larangan sihir, bomoh dan amalan syirik. Ini secara langsung memelihara agama melalui:

- i. Pembetulan kefahaman tauhid.
- ii. Penegasan bahawa penyembuhan datang daripada Allah SWT.
- iii. Penggunaan rukyah syar'iyah sahaja.

Oleh itu, setiap penyakit ada ubatnya namun Allah SWT menyimpan rahsia yang tidak disingkap di hadapan manusia tentang pengetahuan ubatan tersebut. Walaubagaimanapun manusia dapat mengetahui dengan sedikit pengetahuan dan kajian atau ujikaji (Zulkifli Albakri, 2023). Oleh itu, ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dilaksanakan memenuhi instrument hifz ad-din di mana ia merupakan elemen yang penting untuk menjaga akidah umat Islam dari terjerumus dalam perubatan berunsur syirik dan berdosa besar.

Menjaga Nyawa (Hifz Al-Nafs)

Dalam penulisan Halim & Ismail (2024), Islam melarang umatnya membunuh diri. Oleh itu, Islam menitikberatkan keselamatan nyawa dan menegah merosakkan tubuh badan dengan pengambilan bahan terlarang. Pemakanan juga penting dan melarang umat Islam memakan makanan yang haram dan kotor. Oleh yang demikian, Islam menganjurkan kita mengambil makanan halal lagi baik.

Dengan zat dan gizi yang terdapat dalam makanan halal akan menjadikan tubuh badan seseorang sihat dan bertenaga. Islam juga melarang pengambilan ubatan dari

bahan yang memudaratkan. Namun, Islam itu rahmat ketika darurat contohnya ketika tiada makanan, masih diberikan keringanan (rukhsah) untuk mengambil makanan yang haram seperti daging babi dan binatang yang tidak disembelih dengan nama Allah.

Ini bagi memastikan umat Islam dapat menjaga nyawa mengikut kaedah fiqh *ad-darurat tabhiih al-mahdurat* menurut pandangan Dr. Yusuf al-Qaradawi (Mohd Safari, 2017). Penganjuran program Klinik Perubatan Islam, menekankan agar aspek penjagaan nyawa diberi perhatian. Pesakit perlu mengambil atau menggunakan bahan yang halal dalam perubatan.

Semasa sesi rawatan dibuat dua bahan yang digunakan iaitu air dan buah limau. Islam melarang pengambilan bahan terlarang seperti dadah, melarang menjatuhkan diri dalam kebinasaan sebagaimana penjelasan dalam surah al-Baqarah ayat 195. Saranan amalan harian dalam Klinik Perubatan Islam agar menjadikan zikir harian sebagai penawar dan ubat kepada penyakit gangguan fizikal dan mantal, rohani atau jasmani.

Jasad yang sihat dapat menjadikan manusia sihat dari aspek luaran dan dalaman serta kuat beribadah dan sejahtera. Hal ini akan menjadikan Klinik Perubatan Islam rawatan yang bersih dan selamat. Berdasarkan kepada pelaksanaan program yang dijalankan, bahan rawatan yang digunakan adalah selamat dan halal seperti air dan limau serta tiada unsur mudarat kepada kesihatan pesakit.

Selain itu, rawatan juga dilakukan secara berperingkat sebanyak dua sesi dengan sedikit pemantauan kepada simptom pesakit. Malah, pesakit juga diajarkan amalan susulan dalam proses baik pulih. Hal ini menunjukkan prosedur rawatan klinik bertepatan dengan perlindungan nyawa secara praktikal dengan menjaga hifz an-nafs dan bukan hanya teori umum semata-mata.

Menjaga Aqal (Hifz Al-'Aql)

Akal merupakan elemen penting yang dapat membantu mengawal tubuh badan kita dari melakukan perkara buruk atau mendorong melakukan perkara baik. Islam melarang mengambil bahan yang haram seperti arak dan dadah. Walaupun arak dihukumkan haram, namun pada pandangan Dr. Yusuf al-Qaradawi dan difatwakan juga oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia bahawa alkohol yang diproses selain dari proses penapaian adalah suci. Maka diharuskan mengambil alkohol dengan kadar atau sukatan tertentu untuk dijadikan ubat (Mohd Safari, 2017).

Dalam Klinik Perubatan Islam ini mencakupi terapi ayat al-Quran yang membawa ketenangan jiwa dan akal. Bahan-bahan terlarang seperti arak, dadah, unsur-unsur terlarang, najis dan kotor tidak digunakan dalam Klinik Perubatan Islam dan boleh merosakkan pemikiran serta cara berfikir. Menurut kajian Rahman & Mubarak (2021), bahan seperti jarum yang berjumlah tujuh buah, cebisan kain kafan, tanah perkuburan yang masih baru dan ada juga yang menggunakan batu nisan bagi tujuan sihir.

Perkara ini adalah dilarang dan merosakkan akidah. Oleh itu, Islam menganjurkan agar mencari ubat yang suci dan menjaga tubuh badan (fizikal) termasuk akal agar terpelihara. Dalam pelaksanaan klinik perubatan Islam, terapi rukyah dan zikir merupakan elemen penting yang amat digalakkan untuk beramal. Hal ini kerana ia membantu dalam menenangkan emosi pesakit, mengurangkan tekanan dan gangguan mental serta mengelakkan penggunaan bahan memabukkan atau khurafat. Aktiviti rawatan dan amalan zikir ini merupakan terapi kestabilan akal secara langsung atau hifz al-'aql.

Menjaga Keturunan (Hifz Al-Nasl)

Klinik Perubatan Islam menyediakan perawat yang bertauliah dan mempunyai sijil diperakui dari Pusat Rawatan Darus Salam. Ini bagi membuktikan rawatan yang dijalankan menjaga masalah jaminan keturunan, rawatan di buat di tempat terbuka dan memelihara aib pesakit serta menjamin keselamatan pesakit ditemani mahram atau kawan, pesakit lain atau perawat lain serta ahli jawatankuasa program.

Dalam konteks rawatan wanita dalam Islam, Islam menetapkan panduan dan prinsip syarak. Terutama batas pergaulan dan batas aurat tetap terpelihara (Zulkepli & Ibrahim, 2024). Menurut Ahmad et. Al. (2025) keutamaan rawatan wanita menurut keutamaan berikut:

- i. Doktor wanita Muslim.
- ii. Doktor wanita bukan Muslim.
- iii. Doktor lelaki yang ada pertalian mahram (bapa, suami atau anak lelaki).
- iv. Doktor lelaki Muslim bukan mahram (ajnabi).

Selain itu, pelaksanaan yang dibuat dalam program ini menitikberatkan kepada penyelesaian rawatan. Ini termasuklah menjalankan rawatan di ruang terbuka, memastikan kehadiran mahram atau ahli keluarga serta mengelakkan sentuhan atau situasi mencurigakan. Hal ini membuktikan struktur pelaksanaan klinik perubatan ini melindungi maruah dan keturunan pesakit dari segi hifz al-nasb dan ia bukan sekadar teori semata-mata.

Menjaga Harta (Hifz Al-Mal)

Harta perlu bersumberkan unsur yang suci bukan dari penipuan, mencuri, merompak atau hasil riba. Islam menitikberatkan konsep pengeluaran zakat, infak, sedekah dan wakaf. Dalam Klinik Perubatan Islam menganjurkan konsep membantu atau menolong mereka yang dalam kesusahan dengan tidak mengenakan bayaran khusus. Bahan-bahan perubatan dan rawatan seperti air, limau dan tisu juga di berikan secara percuma. Firman Allah SWT:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya, "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)" (al-Quran. al-Maidah: 2).

Semasa rawatan perkara utama yang dititikberatkan ialah rawatan ini tidak melibatkan isu eksploitasi pesakit. Hal ini jelas menunjukkan kebajikan pesakit diutamakan dan ia bertepatan dengan hifz al-mal atau perlindungan harta masyarakat daripada penipuan perubatan. Perbuatan ini sangat dianjurkan dalam Islam untuk keharmonian dan kesejahteraan masyarakat seterusnya sihat dari segi fizikal dan mental. Rajah 3 di bawah menunjukkan Instrumen Maqasid al-Syariah dalam Klinik Perubatan Islam.

Prinsip Utama	Aplikasi Perubatan
Hifz al-Din (memelihara agama)	Penerapan aqidah dalam rawatan. Mengutamakan konsep tawakal dan penggunaan ayat-ayat rukyah. Yakin Allah sebagai penyembuh.
Hifz al-Nafs (memelihara nyawa)	Kewajipan menjaga kesihatan jasad sebagai amanah. Penggunaan ubatan halal membantu fizikal sihat dan menjaga nyawa serta kekuatan untuk beribadah.
Hifz al-'Aql (menjaga akal)	Menjamin kesihatan akal dan neurologi, menjauhi bahan haram seperti arak dan dadah serta merawat gangguan jin dan syaitan untuk kesejahteraan akal
Hifz al-Nasb (menjaga keturunan)	Menjamin kelangsungan zuriat yang sihat dan sah menurut syarak. Melindungi privasi pesakit dan memastikan etika rawatan dipatuhi serta memastikan batas pergaulan terjaga.
Hifz al-Mal (memelihara harta)	Dalam aspek kebajikan memastikan konsep tolong menolong sesama Muslim tanpa menentukan bayaran khusus

Rajah 3: Instrumen Maqasid Al-Syariah Dalam Klinik Perubatan Islam

Kajian ini menunjukkan bahawa Klinik Perubatan Islam bukan sekadar menawarkan rawatan alternatif, tetapi berfungsi sebagai model praktikal aplikasi Maqasid al-Syariah yang menyeluruh. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa elemen daruriyyah diterjemahkan secara langsung melalui pemeliharaan akidah, penggunaan bahan rawatan halal dan keselamatan pesakit, selari dengan pandangan bahawa maqasid perlu difahami secara praktikal dan dinamik (Auda, 2008).

Pada masa yang sama, aspek hajiyyah jelas melalui usaha memudahkan rawatan seperti kos dan pendekatan berperingkat, yang bertepatan dengan prinsip menghilangkan kesukaran (*raf' al-haraj*) dalam syariah (Kamali, 2008). Seterusnya, elemen tahsiniyyah melalui penekanan terhadap etika, penjagaan aurat dan keselesaan pesakit, turut dikaitkan dengan ihsan dan kualiti hidup dalam pelaksanaan hukum Islam (Kamali, 2008). Justeru, kajian ini membuktikan bahawa Maqasid al-Syariah dapat dinyatakan secara nyata dalam konteks perubatan Islam, bukan hanya sebagai teoritikal, tetapi sebagai sistem rawatan yang holistik, berfungsi dan relevan dengan keperluan semasa.

AKTIVITI KLINIK BERASASKAN INSTRUMEN

Berikut merupakan aktiviti klinik berdasarkan instrumen:

Aktiviti Klinik	Instrumen Maqasid	Elemen (Hifz)	Impak
Sesi pendidikan (rukya & akidah)	Daruriyyah	Hifz al-Din	Membetulkan akidah dan mengelakkan syirik serta khurafat.
Rawatan rukya & bahan halal (air, limau)	Daruriyyah	Hifz al-Nafs / Hifz al-'Aql	Menjaga keselamatan fizikal dan kestabilan emosi pesakit.
Rawatan percuma / kos minimum	Hajiyyah	-	Mengurangkan beban kewangan pesakit.
Rawatan dua sesi (struktur sistematik)	Hajiyyah	-	Memudahkan rawatan dan meningkatkan keberkesanan.
Kehadiran mahram semasa rawatan	Tahsiniyyah	-	Menjaga maruah dan batas pergaulan.
Penjagaan aurat	Tahsiniyyah	-	Memastikan rawatan dalam batas syariah.
Etika dan profesionalisme perawat	Tahsiniyyah	-	Menunjukkan nilai ihsan dan akhlak dalam rawatan.
Suasana rawatan selesa dan terkawal	Tahsiniyyah	-	Menyumbang kepada kesejahteraan emosi pesakit.

Jadual 3: Aktiviti Klinik Berasaskan Instrumen

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap aktiviti Klinik Perubatan Islam dapat dipetakan kepada instrumen Maqasid al-Syariah serta disokong oleh pelbagai kajian literatur. Sesi pendidikan rukya dan akidah berada di bawah daruriyyah kerana melibatkan pemeliharaan agama (hifz al-din), selari dengan Hashi (2019) dan Kamali

(2008) yang menegaskan kepentingan menjaga akidah sebagai asas kesejahteraan manusia.

Rawatan menggunakan rukyah dan bahan halal pula mencerminkan pemeliharaan nyawa dan akal (hifz al-nafs dan hifz al-'aql), bertepatan dengan dapatan Isdianto dan Fitrianti (2024) serta pandangan Masruri et al. (2021) yang menyatakan bahawa al-Quran berfungsi sebagai terapi fizikal dan spiritual. Dalam konteks hajiyyah, pelaksanaan rawatan percuma serta struktur dua sesi menunjukkan usaha mengurangkan kesukaran pesakit, selari dengan prinsip *raf' al-haraj* yang dihuraikan dalam kerangka Maqasid oleh Auda (2008).

Sementara itu, elemen tahsiniyyah seperti kehadiran mahram, penjagaan aurat, etika perawat dan suasana rawatan yang selesa mencerminkan pemeliharaan maruah (hifz al-nasb) serta nilai ihsan, sejajar dengan Padela (2015) dan Al Mustaqim (2023) yang menekankan kepentingan etika dan pematuhan syariah dalam perubatan Islam.

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa Klinik Perubatan Islam anjuran ACIS UiTM Cawangan Johor bukan sahaja berfungsi sebagai pusat rawatan alternatif, malah berjaya mengaplikasikan Maqasid al-Syariah secara praktikal melalui pendekatan rawatan, pendidikan dan pemantauan pesakit. Manusia perlu yakin bahawa setiap penyakit terdapat penawarnya.

Sebagai seorang Muslim yang meyakini ketentuan Allah SWT perlu yakin bahawa ujian yang diberikan atau penyakit yang dialami perlu berusaha atau berikhtiar untuk mencari jalan agar mendapatkan ubat yang halal dan kaedah rawatan yang menepati hukum syarak yang bertepatan Maqasid al-Syariah. Ini kerana terdapat peramal perubatan yang menggunakan nama Islam atau agama bagi mengaut keuntungan segera dan cuba menipu dengan merosakkan kesucian serta maruah pesakit dengan memberi syarat di luar batasan syarak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap elemen Maqasid al-Syariah diaplikasi secara langsung dalam pelaksanaan klinik melalui prosedur rawatan, penggunaan bahan halal dan kawalan etika. Hal ini sekaligus menjadi contoh terbaik dalam pelaksanaan program berasaskan institusi pendidikan tinggi yang berpotensi dikembangkan di peringkat lebih luas.

Oleh itu, disarankan agar semua agensi memainkan peranan sama ada swasta atau kerajaan untuk memberikan kefahaman yang tepat tentang perubatan Islam kepada masyarakat. Majlis agama Islam negeri dan pihak berkuasa perlu lebih giat membentasi penipuan peramal perubatan berlawanan syarak dan membantu masyarakat yang sedang sakit mencari perawat yang tepat. Dalam kajian lain perlu di kaji kaedah rawatan tradisional, bahan-bahan atau organ haiwan yang digunakan dalam perubatan yang tidak berlawanan dengan hukum syarak.

Sebagai penutup, kajian lanjutan dicadangkan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan lebih banyak pusat rawatan Islam untuk menilai keberkesanan rawatan ini secara empirikal

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2018). *Kaedah Penyelidikan Sosial Daripada Perspektif Islam*. Bangi: UKM Press.
- Ahmad, F., Sulaiman, S., & Ishak, H. (2025). *Aplikasi Kaedah Fiqh Dalam Prosedur Pembedahan Pesakit Wanita: Satu Tinjauan Literatur*. *Jurnal Fatwa dan Pengurusan*. 15(2), 88-105. <https://doi.org/10.1017/jfp.2025.04>
- Auda, J. (2008). *Maqasid Al-Shariah As Philosophy Of Islamic Law: A Systems Approach*. The International Institute of Islamic Thought.
- Al Mustaqim, D. (2023). *Sertifikasi Halal Sebagai Bentuk Perlindungan Konsumen Muslim: Analisis Maqashid Syariah Dan Hukum Positif*. *AB-JOIEC: Al-Bahjah Journal of Islamic Economics*, 1(2), 54-67.

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). *Using Thematic Analysis In Psychology*. Qualitative Research in Psychology, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Halim, J. A., & Ismail, S. K. (2024). *Aplikasi Maqasid al-Syariah dalam Rawatan Antenatal oleh Perawat Lelaki*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 25(1), 50-65.
- Hashi, A. A. (2019). *Maqasid Al-Shariah And Healthcare Ethics*. Revelation and Science, 9(1), 1-10. <https://journals.iium.edu.my/revival/index.php/revival/article/view/253>
- World Health Organization. (2022). *World mental health report: Transforming mental health for all*.
- Isdianto, A., & Fitrianti, N. (2024). *Efektivitas Terapi Ruqyah Dalam Menangani Kecemasan, Depresi, Dan Gangguan Tidur*. Jurnal Education and Development, 12(3), 82-89.
- Ibn Kathir (t.th.) al-Baqarah Part 1 Ayath1-185. Surah Baqarah Part I - Tafsir ibn kathir - Flip eBook Pages 501-528 | AnyFlip (diakses pada 7 November 2025).
- Institute for Public Health. (2019). *National health and morbidity survey (NHMS) 2019: Vol. I - Non-communicable diseases, healthcare demand, and health literacy*. Ministry of Health Malaysia.
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An Introduction*. Oneworld Publications.
- Mahasin Saja@Mearaj et.al. (2024). *Islam dan Rawatan Diri*. Studio Buku Publika, Kuala Lumpur.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A Guide To Design And Implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Mustafa Kamal bin Amat Misra et.al. (2023). *Perubatan, Pengubatan dan Rawatan Spiritual Islam (RSI): Pengenalan Awal dalam Isu-Isu Pengajian Islam dalam Era Globalisasi*. Selangor, Universiti Islam Selangor (UIS).
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. (2014). *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4(1), 1-5.
- Masruri, M., Ismail, F. H., Kirin, A., Borham, A. S., Misbah, M., & Rahim, M. H. A. (2021). *Konsep Terapi Nabi SAW Sebagai Alternatif Dalam Menangani Penyakit Fizikal Dan Spiritual*. Al-Hikmah: International Journal Of Islamic Studies And Human Sciences, 4(1), 130-149.
- National Institutes of Health Malaysia. <https://iku.gov.my/nhms> (diakses pada 7 April 2026).
- Nazrudin bin Hashim. Pengamal Perubatan Islam Darussalam. 14 Jun 2025.
- Nurul Shafiqah Mohd Safari (2017) *Hukum Menggunakan Benda Najis Dalam Pengobatan Menurut Ibn Taimiyyah Dan Dr. Yusuf AlQaradawi*. Palembang, Universiti Islam Negeri (UIN) Raden Fatah.
- Rahman, F., & Mubarak, G. (2021). *Konsep Sihir Dalam Perspektif Buya Hamka Dan M. Quraish Shihab*. Al Iman: Jurnal Keislaman Dan Kemasyarakatan, 5(2), 229-250.
- Padela, A. I. (2015). *Maqasid Al-Shariah And Biomedical Ethics: Bridging Theory And Practice*. International Institute of Islamic Thought. <https://iiit.org/en/book/maqasid-al-shariah-and-biomedicine/>
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods: Integrating Theory And Practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rejab, Abdul Aziz (2015). *Ta'rif Maqasid al-Shari'ah wa Ahammiyyatuha*. <https://www.alukah.net/sharia> (diakses pada 6 November 2025).
- World Health Organization. *World Mental Health Report: Transforming Mental Health For All*. <https://www.who.int/publications/i/item/9789240049338> (diakses pada 7 April 2026).

- Zulkifli Albakri (2023) Setiap Penyakit ada Ubatnya. <https://zulkiflialbakri.com/artikel/setiap-penyakit-ada-ubatnya/> (diakses pada 11 November 2023).
- Zulkepli, M. I., & Ibrahim, N. (2024). *Penjagaan Aurat Wanita Dalam Rawatan Kecemasan: Analisis Hukum Semasa Di Malaysia*. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(3), 145-160.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.